

**PEPERIKSAAN
PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN 2006**

KOD KERTAS : 2006

**G 8 PQ
(GRED G17)**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1 (B) : Jawab semua soalan.

Seksyen 2 : Jawab empat (4) daripada enam (6) soalan.

SEKSYEN 1(A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat. Tulis jawapan dalam bentuk huruf A, B, C atau D pada kertas jawapan anda.

1. Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 mengkehendaki pengeluaran Permit Import untuk mengimport item-item berikut **KECUALI**
 - A Pasir
 - B Bunga
 - C Sayur-sayuran
 - D Tumbuhan yang mati

2. *South American Leaf Blight* (Penyakit Hawar Daun Amerika Selatan) adalah penyakit pada tanaman
 - A Padi
 - B Getah
 - C Lada Hitam
 - D Kelapa Sawit

3. Siput Gondang Emas adalah perosak tanaman
 - A Padi
 - B Getah
 - C Lada Hitam
 - D Kelapa Sawit

4. Kumbang Khapra, *Trogoderma granium* (Khapra beetle) adalah perosak bahaya yang terdapat di negara
- A China
 - B Sudan
 - C Australia
 - D Afrika Selatan
5. *Elaeis guineensis* adalah nama saintifik bagi tumbuhan
- A Padi
 - B Getah
 - C Lada Hitam
 - D Kelapa Sawit
6. Berapakah kuantiti racun Benomyl 25% wp. yang diperlukan untuk membuat 2 liter bancuhan dengan kekuatan 0.1% b.a. bagi merawat biji benih kelapa sawit?
- A 5 gram
 - B 8 gram
 - C 10 gram
 - D 12 gram
7. Tumbuhan-tumbuhan berikut tidak memerlukan sijil CITES untuk pengeksporan ke luar negara **KECUALI**
- A *Alocasia malo*
 - B *Pothos ovatifolins*
 - C *Nepenthes hirsnta*
 - D *Aeschynauthes* sp.

8. Pengeksportan tumbuhan *Rhaphidophora megasperma* ke luar negara memerlukan dokumen-dokumen berikut **KECUALI**
- A Sijil CITES
 - B Lesen Eksport
 - C Sijil Fitosanitasi
 - D Lesen/Permit Eksport Jabatan Hutan
9. Bayaran yang dikenakan untuk satu Permit Import ialah
- A RM5.00
 - B RM10.00
 - C RM15.00
 - D RM20.00
10. Kumbang Khapra (Khapra beetle / *Trogoderma granium*) adalah perosak yang terdapat pada produk-produk berikut **KECUALI**
- A Kunyit - tepung, rizom
 - B Beras - dikisar, sekam
 - C Kekacang – biji dan tepung
 - D Jagung – biji, tepung, tongkol kering

SEKSYEN 1 (B) : Soalan Pendek (20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1

Nyatakan **DUA (2)** tujuan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dikuatkuasakan.

(4 markah)

Soalan 2

Senaraikan **EMPAT (4)** perosak utama kuarantin tumbuhan.

(4 markah)

Soalan 3

Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan "Visual Inspection".

(4 markah)

Soalan 4

Nyatakan **EMPAT (4)** kaedah rawatan yang biasa digunakan dalam Kuarantin Tumbuhan.

(4 markah)

Soalan 5

(a) Berapakah kepekatan gas *Methyl bromide* yang diperlukan dalam rawatan pengwasapan (*fumigation*) kayu bergergaji (sawn timber)?

(2 markah)

(b) Berapa lama tempoh rawatan pengwasapan diperlukan bagi rawatan di atas?

(2 markah)

SEKSYEN 2 : Soalan Esei (60 markah)

Jawab empat (4) soalan sahaja daripada enam soalan berikut.

Soalan 1

Terangkan prosedur untuk mengimport biji benih sayur ke Sarawak termasuk cara memohon, syarat-syarat import dan pemeriksaan konsainmen di pintu masuk.

(15 markah)

Soalan 2

Anda dikehendaki untuk menyelia rawatan ke atas konsainmen anak pokok rambutan untuk dieksport ke luar negara. Rawatan yang dilaksanakan ialah merendam dalam racun Malathion 80 EC dengan kepekatan 0.1% b.a selama lima minit. Kirakan kuantiti racun Malathion yang anda perlukan untuk membuat 10 liter bancuhan racun.

(15 markah)

Soalan 3

Terangkan bagaimana anda menyediakan rawatan yang diperlukan untuk mengeksport tanaman ornamental ke luar negara menggunakan kaedah merendam dengan racun kimia.

(15 markah)

Soalan 4

Seorang pengeksport mengemukakan permohonan untuk Sijil Fitosanitasi bagi mengeksport 10 MT lada hitam ke Australia. Terangkan langkah-langkah yang perlu anda ambil untuk mengeluarkan Sijil Fitosanitasi kepada pengeksport berkenaan.

(15 markah)

Soalan 5

Anda bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Terangkan prosedur pemeriksaan kargo yang anda perlu buat untuk melepaskan konsainmen.

(15 markah)

Soalan 6

(a) Senaraikan **LIMA (5)** kaedah untuk menghalang kemasukan Perosak Kuarantin ke negara kita.

(5 markah)

(b) Senaraikan **LIMA (5)** bahan/item yang dilarang masuk di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 / Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

(5 markah)

(c) Senaraikan **LIMA (5)** bahan/item yang memerlukan Permit Import dan Sijil Fitosanitasi.

(5 markah)

